

28/10/2003

OIC landasan tarik pelaburan negara Islam

reports on "Dewan Rakyat" by Veena Rusli; Jami'ah Shukri
KUALA LUMPUR: Kerajaan menggunakan Sidang Kemuncak Pertubuhan
Persidangan
Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya, baru-baru ini sebagai landasan untuk
menarik lebih banyak pelaburan dari kalangan negara Islam untuk melabur
di
Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh, berkata kebanyakan
pelabur Arab menarik pelaburan mereka dari Amerika Syarikat dan beralih
ke
Eropah berikutan iklim politik semasa.

"Kita harap hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat pasaran modal
Islam
dapat menarik pelaburan dari negara Arab, lebih-lebih lagi dalam keadaan
mereka mula beralih ke Eropah selepas mengeluarkan kepentingan di
Amerika.

"Ketika OIC baru-baru ini, kita menghantar risalah dan brosur yang
mengandungi maklumat mengenai tarikan pelaburan di Malaysia... ia adalah
promosi berterusan kerana sebelum ini kita menghantar rombongan
pelaburan
ke Bahrain," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Shafie berkata, Malaysia juga berharap menggunakan kedudukannya
sebagai
Pengerusi OIC untuk meningkatkan hubungan dagang dua hala dengan negara
Islam, selain menggunakan dinar emas sebagai mata wang urus niaga.

Beliau berkata, tiga produk utama pasaran modal Islam di negara ini
ialah produk berteraskan ekuiti, produk berteraskan hutang dan produk
pengurusan risiko.

Katanya, produk berteraskan ekuiti merangkumi senarai sekuriti (saham)
yang diluluskan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC), dana
unit amanah Islam dan Indeks Syarikat Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)
serta Indeks Islam RHB.

"Produk berteraskan hutang adalah sekuriti hutang persendirian Islam,
sekuriti hutang terbitan kerajaan, sekuriti hutang terbitan Khazanah
Nasional Bhd dan sekuriti hutang terbitan Cagamas Berhad.

"Produk pengurusan risiko seperti waran panggilan (jika saham pendasar
adalah mengikut syariah), hak langganan boleh pindah (jika saham
pendasar
adalah mengikut syariah) dan kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah
(CPO)," katanya.

Mengenai kemungkinan pelaburan masuk ke negara ini terjejas kerana
usaha
segelintir pihak cuba memboikot Malaysia berikutan ucapan Perdana
Menteri,
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada perasmian sidang kemuncak OIC lalu,
Shafie berkata ia tidak mungkin berlaku.

Ini kerana, katanya, pelabur mengutamakan keuntungan dan akan melabur
di
negara yang dianggap berpotensi membawa pulangan lumayan.

"Perniagaan tidak sama dengan politik. Kebanyakan pelabur asing terutama dari sektor swasta, tidak tertakluk dengan arahan kerajaan.

"Kita harap iklim pelaburan akan meningkat dan boikot tidak berlaku kerana pelabur mementingkan keuntungan... perkara ini akan dibincangkan pada peringkat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Kabinet," katanya.